

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN PENGGUNAAN DEWAN SERBAGUNA KOMPLEKS SUKAN LANGKAWI SEMPERA PERLAWANAN BADMINTON PASUKAN PIALA THOMAS/UBER CUP
Lokasi : DEWAN SERBAGUNA KOMPLEKS SUKAN LANGKAWI, KEDAH
Tarikh : 16-01-1994

Syukur saya ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya kita telah dapat bersama-sama hadir di majlis yang bahagia pada hari ini. Semoga majlis pada hari ini membawa berkat kepada kita semua.

2. Buat permulaan, izinkanlah saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kerana telah menjemput saya untuk merasmikan penggunaan dewan yang indah ini sempena perlawanan badminton Pertunjukan Pasukan Piala Thomas/Uber Cup di Langkawi.

3. Semasa saya berada di Langkawi pada 29 dan 30 Disember yang lalu, saya telah mengutarakan cadangan untuk mengadakan latihan bagi pasukan Piala Thomas/Uber Cup di Langkawi kepada pihak LADA dan Pejabat Daerah Langkawi. Hasil daripada usaha kedua-dua agensi tersebut serta pihak-pihak lain yang berkenaan, syukur alhamdulillah, hasrat ini telah tercapai, dan pasukan Piala Thomas/Uber Cup Malaysia sekarang berada di Langkawi sejak 9 Januari 1994. Justeru itu saya mengambil kesempatan di sini sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih kepada Pengurus Besar LADA dan Pejabat Daerah Langkawi di atas keupayaan mereka memberikan segala kemudahan dan persiapan semasa pasukan ini berada di Langkawi. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Delima Resort khususnya Yang Berbahagia Datuk Ting Pek Khiing yang telah menyediakan tempat penginapan di Delima Resort dan juga tempat latihan di Mahsuri International Exhibition Hall yang saya difahamkan telah tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada pasukan Piala Thomas/Uber Cup ini.

4. Selaku penaung kepada Persatuan Badminton Malaysia, hasrat saya untuk membawa pasukan Piala Thomas/Uber Cup ini ke Langkawi adalah semata-mata supaya mereka dapat membuat persiapan awal secara intensif bagi menghadapi pusingan akhir Piala Thomas di Jakarta nanti dengan menanamkan semangat kerjasama dan kekitaan di dalam kumpulan ini.

Dalam masa latihan selama seminggu yang lalu, saya percaya semangat "MALAYSIA BOLEH" telah pun bercambah dan dipupuk semula semasa latihan sepertimana dua tahun yang lalu.

Ingin saya tegaskan bahawa kedatangan mereka ke Langkawi bukanlah untuk berehat, malah ahli-ahli pasukan telah pun melalui 'rigorous physical training'. Saya percaya dalam tempoh tersebut mereka benar-benar telah menumpukan latihan mereka dengan penuh komitmen dan kecemerlangan.

5. Mengambil kesempatan atas kehadiran kedua-dua pasukan ini di Langkawi bagi menjalani latihan mereka, maka atas persetujuan jurulatihnya saya telah memujuk pasukan ini untuk mengadakan perlawanan pertunjukan (exhibition) dengan bertujuan untuk mempamerkan kepada bakat-bakat baru di Langkawi khususnya, dan kepada anak-anak tempatan Langkawi amnya, untuk berkecimpung dengan lebih giat lagi di dalam sukan badminton ini yang menjadi acara kebanggaan negara di kejohanan-kejohanan badminton antarabangsa.

6. Permainan badminton adalah satu-satunya permainan sukan yang telah mengharumkan nama negara untuk beberapa dekad yang lalu hinggalah sekarang berbanding dengan sukan-sukan lain. Dengan kemudahan-kemudahan yang ada di Langkawi ini, terutamanya di dewan ini, saya percaya penglibatan anak-anak tempatan dari pelbagai lapisan, sama ada lelaki atau perempuan, dapat dipertingkatkan bukan sahaja dalam sukan badminton tetapi juga sukan-sukan yang lain. Walau bagaimanapun, selaku penaung kepada Persatuan Badminton Malaysia, dan juga kerana minat saya sendiri dalam sukan ini, maka sukalah saya menyarankan supaya penekanan diberikan kepada sukan badminton. Ini tidak bererti saya tidak menggalakkan pula para hadirin semua berkecimpung di dalam sukan-sukan yang lain.

7. Sukalah saya menekankan di sini bahawa kita harus mempunyai jadual tetap untuk menentukan waktu bagi aktiviti-aktiviti riadah kita bagi menjaga kesihatan diri di samping memupuk persefahaman di antara satu kaum dengan yang lain melalui sukan. Sukan riadah terbukti dapat membantu kita meningkatkan tali silaturahmi antara sesama kita. Masyarakat yang berwibawa haruslah terdiri daripada masyarakat yang sihat, cergas daripada segi fizikal, dan cerdas daripada segi mental. Jika kesemuanya ini ada pada kita, saya percaya tahap kebolehan dan kemampuan kita dalam apa juga usaha akan bertambah baik dan mendatangkan hasil yang positif. Pada masa yang sama bersukan akan dapat mengatasi masalah anak-anak muda yang kini ramai dipengaruhi dengan BUDAYA LEPAK.

8. Langkawi sebagai sebuah pulau yang sedang dibangunkan sebagai destinasi pelancongan di rantau ini sudah tentu memerlukan penduduk-penduduk yang sudah bersedia daripada segi fizikal dan mental di samping dari aspek sosio-budaya untuk menerima kedatangan pelancong-pelancong asing.

Penglibatan di dalam sukan yang lebih aktif adalah merupakan salah satu daripada usaha mencapai ke arah ini.

9. Oleh yang demikian melalui majlis pada hari ini sukalah saya menyarankan supaya kumpulan-kumpulan tertentu di Langkawi sama ada kanak-kanak sekolah, persatuan-persatuan, kumpulan suri rumahtangga dan mana-mana juga kumpulan, haruslah mengambil langkah-langkah untuk menceburkan diri masing-masing di dalam kegiatan sukan. Dengan adanya kemudahan dewan serbaguna yang indah ini, banyak aktiviti sukan dapat dijalankan. Di samping itu kemudahan-kemudahan dewan yang terdapat di sekolah-sekolah dan juga persatuan-persatuan yang ada di Langkawi ini dapat juga digunakan sebagai kemudahan tambahan.

10. Masyarakat di Langkawi sangat bertuah kerana mempunyai kemudahan seumpama ini. Saya berharap semua pihak akan memberi kerjasama bagi menjaya dan menanamkan minat kesukanan di kalangan penduduk Langkawi.

11. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan penggunaan dewan serbaguna Komplek Sukan Fasa II Langkawi.
